




PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU
NOTIS SEBUT HARGA KERJA

SEBUT HARGA PMINT BIL.1/2024

CADANGAN MENAIKTARAF REKABENTUK RUANG LOBI BAHAGIAN DALAMAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI TINGKAT BAWAH, BANGUNAN MENARA PMINT, DAERAH KUALA TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN .

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) (**berstatus aktif**), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK (**yang sah tempoh**) dalam **Gred G1 (Kuala Terengganu Dan Kuala Nerus) Kategori CE, Pengkhususan CE21 dan B28.** (Kebenaran Khas bagi pengkhususan kerja adalah **tidak dibenarkan**).
2. Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **19 Mac 2024 (Selasa)** hingga **21 Mac 2024 (Khamis)** di pejabat **Bahagian Penyenggaraan Harta, Tingkat 11, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu** dengan menyertakan wang pos/wang kiriman pos/draf bank/tunai berharga RM50.00 yang dibuat di atas nama **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.**
3. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **19 Mac 2024 (Selasa) jam 10.00 pagi (Masa Pendaftaran : 9.30 pagi)**. Taklimat dan lawatan tapak akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Dewan Besar, Tingkat 3, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu (Koordinat GPS : 5.330277, 103.1362)** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.
4. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor dikehendaki membawa **Cop Rasmi Syarikat, Perakuan/Sijil ASAL Pendaftaran PPK dan SPKK** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** serta ditulis di sudut atas kiri **Nama Sebut Harga seperti di atas** dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Bilik Urusan Tender dan TTD, Tingkat 11, Menara PMINT sebelum jam 12.00 tengahari, hari Isnin, 25 Mac 2024.**
6. Pihak **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu** tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.


Nama : **KHALIZAN BIN MAHMUD**
Pengurus Besar Pengurusan Teknikal J52
Jawatan: **Perbadanan Memajukan Iktisad**
Negeri Terengganu
Tarikh : **13 MAR 2024**